

結婚:早いかな遅いかなどどちらが良いか?



Editor's Word

こんにちは。皆様、今回のアッザリヤトは運についての話です。前のしたことや後のするつもりことは全部神様が決めたことなんです。将来のことは私たちが計画をすることができるとはいいけれども、それを本当になるかどうか、神様の仕事だ。もちろん、その夢をかねるために、力を入れて、神様をお願いすることは当たり前です。神様は私たちにいいことだけあげたいから、それを忘れないように生き続けましょう。何のことが起こっても、それが私たちにベストのことだ。

アズルル先生

- 早く結婚する場合と遅く結婚する場合とそれぞれ長所と短所がある。
 - 早く結婚する場合
 - 長所: a. 責任のある人になって、成熟した考え方を持つようになる。
 - b. 神様が禁止していることをつ防ぐことができる。
 - c. もし年齢がまだ若いとき、子供を持ったら、年を取ったとき重い負担はあまり感じない。
 - 遅く結婚する場合
 - 長所: a. 経済面がまだ安定していないため、時々いろいろな困難に直面する。
 - b. 家族に対する責任があるので、友達と過ごす時間をあまり持てない。
 - c. 早くに結婚する人とちょうど大人として成熟した人を比べると、早くに結婚する人の方が負う責任が重い。
- 私は早く結婚した。理由は、一つ目、好きな人と出会ったから。二つ目、遅く結婚する長所と早く結婚する短所より早く結婚長所と遅く結婚する短所を考えたから。



ハヌム先生

- 早く結婚するのがいいと思います。やっぱり私がそうしたからです。
- 早かったですよ。21歳で学生結婚をしました。イスラム人として、“やっていい”と“やっちゃいけない”ことがあります。結婚前の恋愛はイスラム教では許されていないので、私はアッラーを喜ばせるために結婚したのです。

樋口 大祐 (ひぐち だいすけ) さん

1. 僕は、遅く結婚するほうがいいと思います。なぜなら、独身は、自由です。好きなときに、好きなことができます。僕は、好きなことがたくさんあります。例えば、フィッシング、バスケットボール、フットサル、おでかけ、スノーボード...などなど。なので、もし、独身であれば、これらの好きなことに好きなだけ時間を費やすことができます。どうですか。好きなことを好きなだけできるのですよ。しかも、もちろん、自分のためだけに。っと、まあ、こんなことを書いてる僕ですが、やっぱり、癒いの場、癒しの場っていうものも時々は欲しくなるのです。癒いの場、癒しの場をどう見つけるか。それが、遅く結婚しようと思ってる僕の結婚するまでの課題です。



アジス先生

- 早く結婚して、早く子供を作った方がいいと思います。若いうちに子供を作って、定年したら子供が大きくなり、自立したからです。
- ちょうどいい年頃だと思います。その年齢は27歳です。そのとき、自分が自分なりの仕事ができ、結婚のための心の準備ができたと感じました。

- 先生たちとTAたちにとって、早く結婚する場合と遅く結婚する場合とでは、どちらがいいと思いますか? どうしてでしょうか?
- 先生はもう結婚していますが、結婚したのは早かったですか、遅かったですか? その理由は何ですか?

KETENTUAN SATU KETETAPAN

PENULIS:HUDA & NAFISAH

Anis :Awak,saya peninglah.Semalam kak Da ada terangkan perihal Qada' dan Qadar.Akak cakap, "Qadar adalah ketentuan Allah terhadap segala sesuatu sejak zaman azali dan Qada' merupakan pelaksanaan Qadar ketika ia terjadi. Beriman kepada Qada' dan Qadar merupakan salah satu dasar keimanan, yakni mengimani bahawa Allah itu mencipta segala sesuatu,mengetahui segala sesuatu dan tiada sesuatu pun yang keluar dari keinginan dan takdir Nya. Segalanya telah tertulis di Lauh-Mahfuz,50,000 tahun sebelum Allah ciptakan langit dan bumi. Maka,apa jua yang berlaku sebenarnya sudah ditetapkan oleh Allah dari awal lagi."

Farahin :Betul la tu,apa yang awak tak faham?Maksud ke?

Anis :Saya faham maksud dia tapi kalau segala-gala Allah dah tetapkan,adakah Allah tak adil? Ya la,ada orang Allah wujudkan dia dalam keadaan cacat dan ada yang sempurna.Kalau Allah dah tetapkan,mengapa perlu kita berusaha dan berdoa lagi lagi? Kalau sudah tertulis seseorang akan meninggal ketika berusia 60 tahun, mengapa dia berdoa untuk dipanjangkan umur?

Farahin :Sebenarnya Qadar Allah terbahagi kepada dua yakni Al-Qadarul Mustbat dan Al-Qadarul Mu'allaq.Qadar Mustbat adalah Qadar yang tetap,yang ditulis di Lauh-Mahfuz,manakala Qadar Mu'allaq pula Qadar yang tergantung,yang dijaga oleh malaikat.Sebagai analogi,Qadar Mustbat ini sebagai tahap maksimum manakala Qadar Muallaq ini pula sebagai tahap minimum.

Anis :Saya kurang jelas.Berdasarkan kefahaman saya,dalam konteks rezeki,katakan Mustbat kita adalah RM10 juta manakala Mu'allaq kita adalah RM10 ribu.Ok,berdasarkan apa yang awak kata,jika kita tak berusaha sekalipun,kita akan dapat RM10 ribu,tapi jika kita berusaha,kita akan dapat lebih atau sama dengan RM10 juta tetapi takkan lebih daripada RM10 juta,betol kan?

Farahin :Tepat sekali!Untuk jelaskan lagi,dalam konteks jodoh katakan,Allah telah tetapkan Mustbat kita,kita akan kahwin dengan Artis macam Kimura Takuya,yang Mu'allaq pula Jad no Gakusei.So,kalau kita tak berusaha sekalipun,paling biasa pun kita akan berkahwin dengan budak JAD,Masri ke,Aqil ke, tapi kalau kita berusaha,maksud saya ,kita usaha berdakwah bukan mengorat,tapi kita dakwah artis,ada potensi untuk kita kahwin dengan pelakon terkenal.

Anis :Ooo,wakatta.Tapi kan,bagaimana pula dengan orang kafir?Diorang tak pernah minta untuk dilahir dalam keadaan kafir.

Farahin :Awak ingat tak hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari,maksudnya, "Setiap anak itu dilahirkan menurut fitrah, maka hanya kedua orang tuanyalah yang akan menjadikannya seorang Yahudi, Nasrani, atau seorang Majusi. "Maksudnya,tiada seorang bayipun dilahirkan dalam agama selain agama Islam disebabkan dalam alam roh lagi,semua roh telah bersaksi,Al-A'raf ayat 172, "...benar Engkau Tuhan kami,kami menyaksikan..."

Anis :Oh,baru saya ingat,saya ada terbaca satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah,sumber daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah ada bersabda, "Tidak seorang pun di kalangan kamu melainkan dia mempunyai dua tempat tinggal.Satu di syurga dan satu di neraka.Maka apabila dia mati,lalu masuk neraka,ahli syurga akan mewarisi kediamannya di dalam syurga.itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah, "Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi"[Al-Mukminun:10]"

Farahin :Sebab itulah Allah ada berfirman, "sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sebelum mereka mengubah keadan diri mereka sendiri"[Ar-Ra'du:11]

Anis :Betul,kita wajib berusaha.Jadi saya rasa analogi yang mengatakan manusia ini bagaikan wayang kulit yang menjadi patung yang dikawal oleh sang dalang adalah silap sama sekali.Yang paling tepat saya rasa,manusia ini ibarat 'Computer game', dalam game bola sepak misalnya, setiap pemain memiliki kebebasan untuk memilih aksinya. Namun, kebebasannya dibatasi oleh si pembuat program komputer Jadi mengibaratkan hidup ini seperti 'Computer game' adalah lebih tepat daripada hidup ini seperti wayang kulit.

Farahin :Alhamdulillah,nampaknya awak sudah faham.Rukun iman ke enam ini penting supaya kita tidak mengeluh dengan ketentuan Allah dan kita mesti yakin dan percaya dengan firman Allah, "...boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu,dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu, Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui." [Al-Baqarah:216]

Anis :Yup,saya sekadar membenarkan firman Allah dalam surah An-Nahl ayat 43, "Maka, bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui."Huhuhuhu

Farahin :Takda lah,saya pun tidak arif dalam bab ni tapi saya pernah terbaca perihal ini dalam laman web www.azzariyat.wordpress.com. Awak cuba surf laman web tu,mana tahu dapat membantu. =D



“...boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu,dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu, Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”
[Al-Baqarah:216]



TILIK, TILIK, TILIK!!!

oleh: fauziah

“ Ada kalanya mimpi bagaikan angin lalu... ”

Kita cukup teruja apabila membaca sebarang artikel yang menekankan tentang penilikan, tidak kisah lah tilik nasib ke, tilik mimpi ke atau tilik tahi lalat. Ya, sememangnya kita membacanya hanyalah untuk suka-suka namun adakah kita tahu apakah yang dimaksudkan dengan 'tilik' dan apakah hukum menilik. Sebelum persoalan dirungkai dengan lebih terperinci, kita perlu tahu bahawa amalan penilikan ini cukup berkait rapat dengan qada' dan qadar kerana sebarang tilikan adalah berdasarkan Qadar sesuatu. Ketahuilah satu cerita yang cukup terkenal tentang penilikan yakni cerita nabi Yusuf menilik mimpi rakan sepenjaranya dan mimpi raja mesir, surah Yusuf ayat 36-49. Namun, kita tidak boleh mengambil cerita ini sebagai hujah bagi menghalalkan amalan penilikan kerana mentafsir mimpi adalah mukjizat nabi Yusuf dan Allah telah mengharamkan amalan penilikan ini secara Muhkamat di dalam Al-Quran, "Wahai orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah perbuatan keji dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya." [Al-Maidah:90]. Malah, berdasarkan ulasan Yusuf al-Qadrawi yang memberi maksud bahawa perbuatan membaca (horoskop) walaupun hanya sekadar suka-suka sama seperti pergi menemui tukang tilik atau tukang ramal. Seterusnya, dari sudut penilikan mimpi pula, kaum melayu mempunyai tafsiran-tafsirannya yang tersendiri tentang tafsir mimpi. Sebagai contoh, apabila seseorang itu bermimpi dipatuk ular bermakna jodohnya semakin hampir dan semakin besar ular itu semakin hebat jodohnya dan ada pula golongan yang mempercayai apabila mimpi gigi patah bermakna ahli keluarga terdekat akan meninggal. Sesungguhnya kepercayaan sebegini adalah kurafat dan setiap kurafat adalah haram kerana perbuatan ini boleh diibaratkan seperti menyekutukan Allah dengan benda lain. Ibnu Sirin dalam bukunya, Tafsir mimpi menurut Islam, mengatakan, "Tidak semua mimpi dapat ditafsirkan makna yang terkandung didalamnya. Ada kalanya mimpi bagaikan angin lalu namun ada yang benar-benar menjadi kenyataan. Mimpi insan yang bertakwa merupakan perkhabaran yang akan berlaku, kerana Rasulullah tidak bermimpi melainkan mimpi baginda menjadi kenyataan. Sedangkan mimpi insan yang tidak beriman merupakan berita yang disebarkan oleh syaitan." Jadi, usah anda mempercayai mimpi anda dapat mentafsir takdir anda, tetapi percayalah bahawa anda ditakdirkan untuk bermimpi sedemikian.

//rahmat di sebalik ujian

oleh: farhani&hidayah

Aku Asyikin. Aku dibesarkan dalam keluarga yang cukup didikan agama. Abah dan Umi sangat menjaga kami adik-beradik dari segi pemakaian, pelajaran dan pergaulan. Aku ada seorang abang yang agak hensem, nama dia Muaz. Dia ni memang seorang yang taat akan perintah Allah, solat jangan cakap la, tak pernah tinggal, puasa sunat Isnin-Khamis sering diamalkan. Tapi 3 bulan yang lepas, abang Muaz dapat tahu bahawa dia mengidap tumor di kaki yang menyebabkan dia susah untuk bergerak. Masa mula-mula tahu tu abang memang terkejut dan dia memang tidak dapat terima dugaan ini. Bagi dia itulah dugaan yang paling berat dia pernah tempuh. Aku ingat lagi pada suatu petang, abang tengah solat Asar, tiba-tiba dia terjatuh. Abang pun tumbuk-tumbuk kaki dia sambil berkata, "Tak guna punya kaki, Ya Allah kenapa jadi macam ni? Aku ada buat salah ke? Cepat lah sembuh". Aku terkejut dengar abang Muaz cakap macam tu. Sepatutnya orang yang taat perintah Allah macam abang tidak akan cakap seperti itu. Ingin juga aku beritahu dia yang Allah tidak akan uji hambanya melainkan sesuatu yang mampu ditanggung hambanya. Aku yakin dengan janji Allah ini. Abang mampu tempuh semua itu, cuma dia sedikit terkilang akibat pergerakannya untuk beribadat terbatas. Dulu malam-malam dia bangun solat tahajud, sekarang susah sebab apabila malam, sakitnya makin menjadi-jadi. Dulu apabila kedengaran azan berkumandang, dia terus pergi ke masjid untuk solat berjemaah, namun sekarang dia tidak mampu berjalan jauh-jauh lagi. Abang pernah menangis depan Umi sebab dia sudah tidak dapat mendirikan solat sunat malam yang menjadi amalan dia selama ni. Umi nasihat abang, Umi kata "Along (Muaz), Islam itu Indah. Ibadat ada banyak cabang, bukan solat semata-mata. Along masih boleh baca Al-Quran, zikir setiap masa. Along bukan tak boleh nak solat langsung kan, cume terbatas je kan. Along kena ingat, orang yang bersusah payah meraih redha Allah, besar ganjarannya. Jangan cepat berputus dari rahmat Allah. Along kena yakin, setiap dugaan ada hikmah dibaliknya". Along berfikir sejenak, barangkali ada betulnya kata-kata Umi itu. Aku pun pernah dengar abang Muaz berdoa agar Allah kuatkan hatinya untuk hadapi dugaan hidup, aku dengar suara abang tersekat-sekat menahan sebak. Bukan mudah menangis tatkala bertemu Yang Maha Satu, bukan calang-calang orang dapat 'menumpahkan' air mata kerana Allah. Subhanallah... Kuat sungguh keyakinan abang pada Allah. Kapan aku akan dapat hati seteguh itu untuk menangis kerana merasa ibadat yang dilakukan belum cukup untuk membawa diri menuju syurga Allah, menangis meminta hati ini tabah andai diuji dengan dugaan seberat dugaan yang menimpa abang Muaz. Alhamdulillah, mungkin abang dah boleh terima Qada' dan Qadar yang Allah dah tetapkan untuk dia. Sekarang aku tengok hidup abang Muaz semakin ceria, tenang dan selalu senyum, tak macam dulu lagi. Memang benar, jika keyakinan pada Allah tertanam kuat di dalam jiwa, kukuh bersemayam di dalam hati, maka tiap-tiap bencana akan menjadi anugerah, tiap-tiap ujian menjadi kurnia dan tiap-tiap peristiwa menjadi penghargaan dan pahala.

“ ALLAH TIDAK AKAN UJI HAMBANYA MELAINKAN ”
 SESUATU YANG MAMPU DITANGGUNG HAMBANYA

az-zariyat 3

oleh:akbar iman dan takdir

Merasakan sesuatu yang kurang atau tidak sesuai dengan kita,pantas timbul dalam benak kita, "Adakah ini qadar yang ditetapkan ke atas aku?" Maka kita menangis bagaikan bayi yang baru dilahirkan,uwaaaa! Jika ini benar,maka kita tidak boleh berdiam diri,kita harus terus berusaha lagi dan lagi atau dalam erti kata lain, 'hijrah' perlu dilakukan. Siapa tahu penghijrahan akan memberi perubahan 'nasib' pada diri kita. Rasulullah berhijrah disebabkan perintah Allah supaya umat Islam waktu itu bisa mengadakan perubahan bukan sahaja ke atas diri mereka tetapi demi kemandirian Islam itu sendiri. Namun,cuba anda bayangkan,jika umat Islam ketika itu tidak melakukan penghijrahan?Jika mereka memilih untuk terus menetap di Makkah dan redha dengan takdir mereka,dicaci,dihina dan dipulau?Adakah Islam itu akan sampai kepada kita? Saya yakin,jika umat Islam ketika itu berputus asa dengan nasib mereka,maka nama kita bukan lagi Akmal, Huda atau Fairuz tetapi Ah Chong, Stephen atau Blossom! Yakinlah dengan firman Allah, "Barang siapa berhijrah di jalan Allah, niscaya mereka mendapati di muka bumi ini tempat hijrah yang luas dan rezeki yang banyak." [An-Nisa:100].Benar Al-Imran 54, "Mereka merancang,Allah merancang dan Allah sebaik-baik perancang," namun persoalannya,adakah sudah cukup atau sempurna rancangan kita sehingga kita mampu mempersalahkan takdir atau dengan lebih tepat lagi,sehingga kita mampu mempersalahkan Allah? Ingatlah,jika kita berusaha bermati-matian untuk mendapat duit yang banyak,begitu juga kita harus berusaha ke atas iman kita kerana iman jika tidak diusahakan,pasti ia akan dicuri oleh pencuri yang tidak pernah putus asa iaitu syaitan la'natullah. Jika kita tidak ingin jodoh kita tidak ditentukan oleh takdir,begitu juga dengan iman.Kita tidak boleh biarkan iman kita ditentukan oleh takdir.Ungkapan-ungkapan seperti, "tunggulah aku dapat hidayah,barulah aku berubah," atau "tunggu aku ada cucu la," tidak harus terdetik di hati kita kerana ungkapan-ungkapan ini boleh diibaratkan seperti lembu yang pasrah dengan nasibnya untuk dikorbankan.Jadi apa patut kita lakukan sekarang? Hijrah harus dilakukan,iman harus diperbahru! Rasulullah ditanya, "Bagaimana memperbahru iman kami ya Rasululllah?" "Perbanyakkan menyebut kalimah lailahaitallah."Syukudai sudah siap,Kadai sudah hantar,Kuiz sudah habis,jadi apa lagi anda tunggu?Berhijrahlah!



Kahwin satu Ketetapan Tetapi Pilihan //oleh:Hadfiz&Syafiq

Mungkin anda agak terkesima apabila membaca tajuk ini.Hangat dibincangkan kahwin awal atau kahwin awal yang lagi baik dan ada sesetengah mengatakan, "Biarkan takdir tentukan. Kalau ada jodoh,ada la."Tapi,kalau tiada jodoh?Mahukah kita dipanggil 'Andalusia' atau anak dara tua lanjut usia? Sememangnya tidak!Memang jodoh sudah ditetapkan oleh Allah,namun wajib ke atas kita untuk berusaha ke atasnya seperimana kita berusaha mendapat 'mante' dalam setiap kuiz.Jodoh yang ditetapkan bukanlah satu tetapi banyak Cuma bergantung pada kita untuk dapatkan yang mana satu.Jika ditakdirkan Mustbat kita adalah artis dan Mu'allaq kita *Jad no Gakusei*,bermakna jika kita tunggu sahaja tanpa berusaha,jodoh kita adalah *Jad no Gakusei*. Manakala,dalam *Jad no Gakusei* itu pula ada tahapnya,sebagai contoh kalau anda berusaha sedikit mungkin anda akan berkahwin dengan MPP dan jika tidak mungkin pelajar 'repeat paper'.Terpulang atas usaha anda,lagi kuat usaha anda,lagi baik jodoh anda. Hal itu benar jika anda seorang lelaki,namun jika anda perempuan? Bagaimana anda harus berusaha? Jawapannya cukup mudah,andanya hanya perlu 'jual mahal' dan berdoa. Berbalik kepada persoalan kahwin awal atau lambat,apakah maksud Mustbat dan Mu'allaq dalam konteks masa? Dalam sudut ini pula, Mu'llaq bererti umur paling awal anda mampu berkahwin dan Mustbat bererti umur paling lambat anda mampu berkahwin,jika umur anda melepasi umur ini,maka anda akan dipanggil 'andalusia'!Mungkin bagi wanita,kita dapat analogikan Mu'llaq sebagai umur baligh,9-15tahun, manakala Mustbat pula umur seseorang itu Menopause,40-50tahun.Jadi,anda masih mampu berdiam diri?Anda masih mampu menunggu jodoh anda datang? Sedarlah! Yang bulat takkan datang borgolek,yang pipih takkan datang melayang!